

Newspaper	Berita Harian
Date	14/08/2017

'Usah salahkan UMNO jika program kecoh'

BH-14/8/2017 (9.9)

Kuala Lumpur: Tidak wajar salahkan UMNO, sebaliknya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) selaku penganjur Nothing to Hide 2.0 perlu bertanggungjawab terhadap kekecohan yang berlaku dalam program itu.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata tindakan menuduh UMNO sebagai dalang kekecohan itu adalah perbuatan tidak bertanggungjawab, khususnya daripada pihak penganjur.

Menyifatkan program itu bersifat provokatif, beliau berkata, penganjuran itu sendiri dilihatnya sebagai usaha menimbulkan provokasi terhadap UMNO yang akhirnya memakan diri.

"UMNO ingin memberi peringatan kepada penganjur khususnya PPBM supaya jangan cuba lempar tuduhan kepada Pemuda UMNO dan sebagainya (dalang kekecohan) yang viral di media sosial.

Perbuatan tak bertanggungjawab

"Itu perbuatan tidak bertanggungjawab dan sepatutnya biarlah kejadian itu disiasat dahulu. Kita juga boleh kata kekecohan itu dirancang kerana mahu timbulkan tuduhan (pada UMNO) dan sebagainya.

"Mereka tahu Nothing to Hide sebelum ini juga timbulkan masalah keselamatan dan ketenteraman, jadi mengapa mesti nak ulang semula, seolah-olah merancang nak timbulkan situasi yang berlaku hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kekecohan yang berlaku semasa program Nothing to Hide 2.0 di Shah Alam, semalam.

Program Nothing to Hide pernah dianjurkan Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) pada 5 Jun 2015, namun dibatalkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, pada saat akhir selepas menerima maklumat perancangan dua kumpulan yang dipercayai mahu mencetuskan kekecohan.

Mengulas lanjut, Annuar membidas PPBM yang gagal menyediakan kawalan keselamatan apabila petugas media, termasuk wanita dcederakan ketika kekecohan itu.

"Saya ada dengar juga pengamal media wanita ada diserang, ditendang. Jelas kawalan keselamatan longgar oleh penganjur," katanya.